



# CUKAI PEGANGAN WITHHOLDING TAX





## CUKAI PEGANGAN WITHHOLDING TAX

### PENGENALAN INTRODUCTION

Satu kaedah kutipan cukai menerusi tolakan cukai pada peringkat pembayaran. Berlaku apabila bayaran dibuat kepada penerima pemastautin dan bukan pemastautin. Cukai pegangan ini perlu dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

*A method of tax collection through tax deduction at the payment level. Occurs when payments are made to resident and non-resident payee. This withholding tax must pay to the Inland Revenue Board of Malaysia.*



Info lanjut sila imbas  
Kod QR ini  
Scan this QR Code  
for details

### PEMBAYAR PAYER

Merujuk kepada individu/badan yang menjalankan perniagaan di Malaysia. Pembayar perlu memotong cukai pegangan dengan kadar tertentu terhadap sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/bantuan/menerima sewa harta mudah alih/royalti/faedah/bayaran kontrak yang diterima oleh penerima tidak bermastautin.

*Refers to an individual/body other than individual carrying on a business in Malaysia. He is required to withhold tax on payments for services rendered/assistance/received rental/contract payments or other payments made under any agreement for the use of any moveable property and paid to a non-resident payee.*

Cukai Pegangan yang telah dipotong dengan betul dan teratur perlu diremitkan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh bayaran dibuat bersekali dengan borang-borang khusus dengan lengkap.

*Withholding Tax that has been deducted correctly and in an orderly manner must be remitted within 1 month from the date of payment together with the relevant payment forms with duly completed.*

### **PENERIMA PAYEE**

Merujuk kepada individu/badan selain individu bukan pemastautin yang memberi sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/bantuan/menerima sewa harta mudah alih/royalti/faedah/bayaran kontrak daripada pembayar, yang mana cukai pegangan ditolak daripada amaun kasar bayaran perkhidmatan yang diterima.  
*Refers to a non-resident individual/body other than individual in Malaysia who receives the above payments for services rendered/assistance/received rental/contracts payments or other payments made under any agreement for the use of any moveable property.*

### **Jenis Bayaran & Kadar Cukai Pegangan Payment Types & Withholding Tax Rate**

<b>Jenis Bayaran Payment Types</b>	<b>Akta Cukai Pendapatan 1967 Income Tax Act 1967</b>	<b>Kadar Cukai Pegangan Withholding Tax Rates</b>	<b>Borang Bayaran Payments Forms</b>
Bayaran Kontrak <i>Contract Payment</i>	Seksyen 107(1) (a) , 107 (1) (b) & 107A(5)	10% , 3%	CP 37A
Faedah <i>Interest</i>	Seksyen 109	15%	CP 37
Royalti <i>Royalty</i>	Seksyen 109	10%	CP 37

<b>Jenis Bayaran</b> <b>Payment Types</b>	<b>Akta Cukai</b> <b>Pendapatan</b> <b>1967</b> <b>Income Tax</b> <b>Act 1967</b>	<b>Kadar Cukai</b> <b>Pegangan</b> <b>Withholding</b> <b>Tax Rates</b>	<b>Borang</b> <b>Bayaran</b> <b>Payments</b> <b>Forms</b>
Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran nasihat, bantuan, bayaran perkhidmatan, Sewa/bayaran untuk menggunakan harta boleh alih <i>Special classes of income : Any advice given, assistance, payments for services, rent/payment for use of moveable property</i>	Seksyen 109B	10%	CP 37D
Faedah (kecuali faedah yang dikecualikan) dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan <i>Interest (except exempt interest) paid by approved financial institutions</i>	Seksyen 109C	5%	CP 37C
Pendapatan seniman kembara tidak bermastautin <i>Income of non-resident public entertainers</i>	Seksyen 109A	15%	Memo bayaran dikeluarkan oleh Cawangan Penaksiran <i>Payment memo issued by Assessment Branch</i>

<b>Jenis Bayaran</b> <b>Payment Types</b>	<b>Akta Cukai</b> <b>Pendapatan</b> <b>1967</b> <b>Income Tax</b> <b>Act 1967</b>	<b>Kadar Cukai</b> <b>Pegangan</b> <b>Withholding</b> <b>Tax Rates</b>	<b>Borang</b> <b>Bayaran</b> <b>Payments</b> <b>Forms</b>
Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs): <i>Real Estate Investment Trust (REITs):</i> Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2021 <i>Effective from YA 2021</i> i) Syarikat Bukan Pemastautin <i>Non-Resident Company</i> ii) Pelabur Institusi Asing <i>Foreign Investment Institutions</i> iii) Selain daripada Syarikat Bermastautin – Individu dan lain-lain <i>Other than a Resident Company – Individual and Other</i>	Seksyen 109D	24%  10%  10%	CP 37E
Dana Keluarga/Dana Takaful Keluarga/Dana Am <i>Family Fund/Takaful Family Fund/Dana Am</i> i) Individu dan lain-lain <i>Individual and other</i> ii) Syarikat tidak bermastautin <i>Non-Resident Company</i>	Seksyen 109E	8%  24%	CP 37E(T)
Pendapatan di bawah Seksyen 4(f) ACP 1967 <i>Income under Section 4(f) ITA 1967</i>	Seksyen 109F	10%	CP 37F

## Jenis-Jenis Bayaran Types of Payments

### 1. Bayaran Kontrak Kepada Kontraktor Tidak Bermastautin

#### **Contract Payments To Non-Resident Contractors**

- a) 10% daripada bayaran kontrak berhubung dengan bahagian perkhidmatan kontrak atas akaun cukai kena bayar oleh penerima tidak bermastautin.  
*10% on the service portion of the contract payments on account of tax payable by the Non-Resident payee;*
- b) 3% daripada bayaran kontrak berhubung dengan bahagian perkhidmatan kontrak atas akaun cukai kena bayar oleh semua pekerja atas penerima tidak bermastautin.  
*3% on the service portion of the contract payments on account of tax payable by employees of the Non-Resident Payee;*
- c) Bayaran perkhidmatan di bawah kontrak bermaksud melaksanakan atau memberikan apa-apa kerja atau perkhidmatan profesional berkaitan, atau berhubung dengan, mana-mana projek kontrak.  
*Service under contract means the performing or rendering of any work professional service in Malaysia, being work or professional service in connection with, or in relation to, any contract project.*

### 2. Bayaran Faedah Kepada Orang Tidak Bermastautin

#### **Interest Paid To Non-Resident Persons**

15% daripada faedah yang dibayar kepada penerima Tidak Bermastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan (atau apa-apa kadar lain yang dinyatakan/terpakai di bawah Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali antara Malaysia dengan mana-mana negara di mana penerima Tidak Bermastautin ialah pemastautin negara tersebut). Cukai ini adalah merupakan Cukai Muktamad.  
*15% from interest paid to a Non-Resident payee is subject to withholding tax (or any other rate as prescribed under the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country where the Non-Resident payee is tax resident). This is a final tax.*

### 3. Faedah dianggap sebagai diperoleh dari Malaysia jika:

#### **Interest is considered to be derived from Malaysia if:**

- a) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri; atau  
*Responsibility for payment lies with the Government or a State Government; or*
- b) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh pemastautin di Malaysia; atau  
*Responsibility for payment lies with a resident of Malaysia; or*
- c) Faedah yang dituntut sebagai perbelanjaan atau belanja ke atas apa-apa pendapatan yang terakru di dalam atau yang diperoleh di Malaysia.  
*Interest is charged as an outgoing or expense against any income accruing in or derived from Malaysia.*

#### 4. Bayaran Royalti Kepada Orang Tidak Bermastautin

##### **Royalty Payments to Non-Resident Persons**

Bayaran untuk penggunaan atau hak untuk penggunaan:

*Any sums paid as consideration for the use of or the right to use:*

- a) Perisian;  
*Software;*
- b) Transmisi melalui satelit;  
*Transmission via satellite;*
- c) Bayaran menghalang penggunaan hak;  
*Fees prevent the rights of exercise;*
- d) Bayaran penggunaan peralatan industri, komersial dan saintifik; dan  
*Payment for the use of industrial, commercial and scientific equipment; and*
- e) Penggunaan radiofrequency spectrum tertakluk kepada lesen berkaitan  
*Use of radiofrequency spectrum subject to the relevant license.*

10% daripada jumlah kasar yang dibayar kepada penerima Tidak Bermastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan (apa-apa kadar yang dinyatakan/ dikenakan di bawah Perjanjian Cukai Dua Kali di antara Malaysia dan negara-negara di mana penerima Tidak Bermastautin adalah pemastautin negara tersebut). Cukai ini adalah merupakan Cukai Muktamad.

*10% from the gross amount of royalty paid to a non-resident payee is subject to withholding tax (or any other rate as prescribed under the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country where non-resident payee is tax resident). This is a final tax.*

#### 5. Royalti Dianggap Diperoleh Dari Malaysia jika:

##### **Royalty Deemed Derived From Malaysia if:**

- a) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri; atau  
*Responsibility for payment lies with the Government or a State Government; or*
- b) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh pemastautin di Malaysia atau;  
*Responsibility for payment lies with a resident of Malaysia; or*
- c) Royalti yang dituntut sebagai perbelanjaan atau belanja ke atas apa-apa pendapatan yang terakru di dalam atau yang diperolehi di Malaysia.  
*The royalty is charged as an outgoing expense against any income accruing in or derived from Malaysia.*

#### 6. Agihan Pendapatan Oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs) Kepada Pemegang Unit

##### **Income Distribution by Real Estate Investment Trust (REITs) to Unitholders**

24% daripada pendapatan yang diagihkan oleh REITs kepada syarikat bukan pemastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan. Manakala 10% daripada pendapatan yang diagihkan oleh REITs kepada individu dan pelabur institusi



asing juga tertakluk kepada cukai pegangan. Cukai ini adalah merupakan cukai muktamad.

*24% distributed by REITs to a non-resident company is subject to withholding tax. While 10% of the income distributed by REITs to individuals and foreign institutional investor is also subject to withholding tax. This is a final tax.*

**7. Apa-Apa Bayaran Kepada Ejen, Pengedar Atau Pengagih (KIV sehingga digazetkan – Bajet 2022)**

***Any Payments to Agents, Distributors or Distributors (KIV until gazetted – Budget 2022)***

2% daripada apa-apa bayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih adalah tertakluk kepada cukai pegangan. Asas penentuan cukai pegangan adalah berdasarkan jumlah penerimaan samaada dalam bentuk wang tunai atau bukan wang tunai yang melebihi RM 100,000 daripada syarikat pembayar.

*2% of any payment to an agent, distributor or distributor is subject to withholding tax. The basis for determining withholding tax is based on the amount received either cash or non-cash in excess of RM 100,000 from the paying company.*

**8. Bayaran Pendapatan Tertentu Kelas-Kelas Khas Kepada Penerima Tidak Bermastautin**

***Payments of Certain Income of Special Classes to Non-Resident Recipients***

Pendapatan tertentu kelas-kelas khas termasuk:

*Special classes of income include:*

- a) Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh seseorang bukan pemastautin atau pekerjaanya berkaitan dengan penggunaan harta atau hak-hak yang dipunyai olehnya, atau pemasangan atau pengendalian apa-apa loji, jentera atau alat-alat lain yang dibeli daripada, bukan pemastautin itu;  
*Payments for services rendered by the non-resident payee or his employee in connection with the use of property or rights belonging to or the installation or operation of any plant, machinery or apparatus purchased from the non-resident payee;*
- b) Nasihat bantuan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran apa-apa perusahaan, usaha, projek atau skim saintifik, perindustrian atau perdagangan; atau  
*Payments for advice, assistance or services rendered in connection with management or administration of any scientific, industrial or commercial undertaking, venture, project or scheme; or*
- c) Sewa atau pembayaran-pembayaran lain yang dibuat di bawah apa-apa perjanjian atau persetujuan bagi kegunaan apa-apa harta alih.  
*Rents or other payments (made under any agreement or arrangement) for the use of any moveable property.*

Para (a) dan (b) adalah terpakai sekiranya perkhidmatan dilakukan di Malaysia-Seksyen 15A

*Provided that in respect of paragraph (a) and (b) this shall apply to the amount attributable to services which are performed in Malaysia- Section 15A.*

**9. Bayaran dianggap diperolehi dari Malaysia jika;**

***Payment is Deemed Derived From Malaysia if;***

- i) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri; atau  
*Responsibility for payment lies with the Government or a State Government; or*
- ii) Tanggungjawab pembayaran adalah oleh pemastautin di Malaysia.  
*Responsibility for payment lies with a resident of Malaysia.*
- iii) Jika pembayaran di atas atau pembayaran-pembayaran lain dituntut sebagai perbelanjaan atau belanja daripada sesuatu perniagaan yang dijalankan di Malaysia.  
*Payment is charged as an outgoing or expenses in the accounts of a business carried on in Malaysia.*

**10. 10% daripada jumlah kasar bagi ‘Pendapatan Tertentu Kelas-Kelas Khas’**

yang dibayar untuk pelaksanaan perkhidmatan di atas oleh penerima Tidak Bermastautin adalah tertakluk kepada Cukai Pegangan (atau apa-apa kadar yang telah dinyatakan/ditetapkan di dalam Perjanjian Cukai Dua Kali di antara Malaysia dengan lain-lain negara di mana penerima Tidak Bermastautin adalah pemastautin negara tersebut). Cukai ini adalah merupakan Cukai Muktamad.

***10% from the gross amount of ‘Special Classes of Income’ paid for the above services rendered by a non-resident payee subject to withholding tax (or any other rate as prescribed in the Double Taxation Agreement between Malaysia and the country in which the non-resident payee is tax resident). This is a final tax.***

**11. Bayaran Saraan/Pendapatan Kepada Seniman Kembara Tidak Bermastautin.  
*Payment to Non-Resident Public Entertainers***

- i) ‘Seniman Kembara’ bermakna orang yang mengadakan pertunjukan di atas pentas, artis di radio atau televisyen, pemuzik, ahli sukan atau individu yang menjalankan apa-apa profesion, pertunjukan atau pekerjaan di dalam bidang yang sama iaitu berbentuk hiburan.  
*‘Public Entertainer’ means a stage, radio or television artiste, a musician, athlete or an individual exercising any profession, vocation or employment of a similar nature.*

- ii) 15% daripada saraan atau lain-lain pendapatan berkeajaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau dilaksanakan di dalam Malaysia oleh seniman kembang tidak bermastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan. *15% from remuneration or other income in respect of services performed or rendered in Malaysia by a non-resident public entertainer is subject to withholding tax.*

**Pembayar mesti dalam tempoh satu bulan selepas tarikh membayar atau mengkreditkan bayaran kontrak, meremitkan cukai pegangan (sama ada atau tidak cukai dipotong) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

*The payer must, within one month after the date of payment/crediting of the payment to the non-resident payee, remit the withholding tax (whether deducted or not) to the Inland Revenue Board of Malaysia. See 'Withholding Tax Deduction'.*

### **PENGUATKUASAAN ENFORCEMENT**

Di mana pembayar gagal membayar cukai pegangan atau lewat membayar cukai pegangan (tidak di dalam tempoh satu bulan selepas tarikh dibayar/dikreditkan bayaran kepada penerima tidak bermastautin) beliau akan dikenakan kenaikan cukai pegangan bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah cukai pegangan yang masih belum dibayar.

*Where the payer fails to pay or pays withholding tax late (not within the period of one month after the date of payment/crediting to the non-resident payee), an increase in tax of a sum equal to ten percent (10%) of the amount which he fails to pay is imposed.*

#### **Contoh:**

##### **Example:**

Royalti kasar yang tertakluk kepada cukai pegangan dibayar pada 03/08/2021 = RM 200,000

*Royalty paid to non-resident payee on 03/08/2021 = RM 200,000*

Cukai pegangan diterima oleh HASiL pada 10/09/2021 (satu bulan daripada 03/08/2021 sepatutnya adalah 03/09/2021) = RM 20,000

*Withholding tax received by IRBM on 10/09/2021 later than 03/09/2021 = RM 20,000.*

Kenaikan cukai dikenakan ke atas pembayar (RM 20,000 @ 10%) = RM 2,000

*Increase in tax imposed on payer (20,000 @ 10%) = RM 2,000*

Berkuatkuasa mulai 03/09/2021.

*Effective from 03/09/2021.*

Bagi kes pembayar gagal untuk membayar cukai pegangan dan/atau kenaikan atas cukai yang telah dikenakan ke atas beliau:-

*Where the payer fails to pay withholding tax and/or increase in tax imposed on him:*

Tiada potongan diberi di bawah Seksyen 33(1), ACP 1967 untuk pembayaran yang dibuat kepada penerima tidak bermastautin ke atas sebarang punca pendapatannya di Malaysia dalam mengira pendapatan larasan atas pembayar, dan tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 106, ACP 1967 akan diambil ke atas pembayar untuk mengutip semula cukai pegangan dan/atau kenaikan atas cukai yang tidak dibayar adalah menjadi hutang yang kena dibayar olehnya kepada Kerajaan Malaysia.

*No deduction is given under Section 33(1), ITA 1967 for the payment made to a non-resident payee against business income in the income tax computation of the payer, and civil suit action under Section 106, ITA 1967 on the payer to recover withholding tax and/or increase in tax not paid which remains a debt due to the Government.*